

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI  
[LAHAD DATU]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI [LAHAD DATU]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha Kementerian dalam meningkatkan jumlah peluang pekerjaan berpendapatan sederhana-tinggi di kawasan luar bandar terutamanya kepada golongan muda.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Visi dan misi Kerajaan adalah untuk meningkatkan kualiti dan jumlah peluang pekerjaan serta kadar guna tenaga mahir. Bagi mencapai hasrat ini, beberapa inisiatif sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah:

- (i) meningkatkan pelaburan nilai tinggi melalui *Foreign Direct Investment* (FDI) dan *Domestic Direct Investment* (DDI) bagi meningkatkan penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value jobs* dan *knowledge worker* (k-worker) agar kadar upah yang tinggi dapat dinikmati oleh golongan ini;
- (ii) melaksanakan latihan-latihan kemahiran yang bersifat *internship* seperti latihan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar;
- (iii) menyediakan insentif-insentif untuk syarikat bagi memperbanyakkan elemen-elemen berteknologi tinggi yang dijangka akan meningkatkan jumlah peluang pekerjaan berkemahiran tinggi; dan
- (iv) mengadakan sesi libat urus bersama industri bagi membincangkan isu sekaligus mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

2. Kementerian Sumber Manusia memberi penekanan peluang pekerjaan bagi setiap lapisan masyarakat melalui program-program pembangunan kemahiran, padanan pekerjaan dan pengenalan bakat.

- (i) Di bawah program pembangunan kemahiran, beberapa agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia melaksanakan program-program latihan seperti Jabatan Pembangunan

## SOALAN NO : 36

Kemahiran (JPK), Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Sebagai contoh, latihan-latihan yang dijalankan di bawah JPK seperti Program Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) di mana terdapat latihan Sistem Dual Nasional (SLDN), Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB), Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) dan lain-lain latihan kemahiran, telah melatih dan mengiktiraf pelajar-pelajar dan tenaga kerja di semua negeri termasuk di negeri-negeri yang mempunyai kawasan yang dikategorikan sebagai daerah luar bandar. Sehingga Ogos 2020, hampir dua juta (2 juta) pelajar dan tenaga kerja di seluruh Malaysia telah menerima Persijilan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) di bawah JPK; dan

- (ii) Bagi padanan pekerjaan dan pengenalan bakat, *MyFutureJobs* di bawah SOCSO dan *JobsMalaysia* di bawah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) telah melaksanakan program padanan pekerjaan melalui portal pekerjaan dan program *job fair* di seluruh Malaysia untuk meningkatkan peluang pekerjaan.

Sekian, terima kasih